

KENAIKAN HARGA MINYAK

Peniaga kaut untung berlebihan wajar dikenakan tindakan tegas

Berkuat kuasa 1 Mac lalu, kerajaan mengumumkan kenaikan harga bahan api bagi petrol RON95, RON97 dan diesel yang masing-masing naik sebanyak 25 sen seliter. Kenaikan ini merisaukan banyak pihak terutama pengguna yang rata-rata bimbang kenaikan itu akan disusuli dengan kenaikan harga barangan pengguna.

Kerisauan ini berdasarkan pengalaman lalu. Setiap kali pengumuman kenaikan harga bahan api dibuat, ia selalunya disusuli dengan kenaikan harga barangan pengguna yang dilakukan sege-lintir peniaga yang tidak bertanggungjawab.

Tindakan yang diambil sesetengah peniaga ini sudah pasti akan mengundang beban kepada masyarakat

pengguna. Bagi mengelakkan masalah ini daripada berlaku, pihak penguat kuasa hendaklah menguatkuasakan undang-undang sedia ada bagi membendung kegiatan tidak bertanggungjawab ini.

Akta lindungi pengguna

Peruntukan undang-undang seperti Akta Kawalan Harga dan AntiPencatutan 2011 (Akta 723) perlu digunakan bagi membendung perkara ini. Akta 723 sudah lama diwujudkan di negara ini yang menggantikan Akta Kawalan Harga yang wujud sejak tahun 1946.

Akta 723 amat penting bagi masyarakat pengguna kerana ia dapat melindungi pengguna daripada peniaga yang menjual barang dengan harga tinggi dan tidak munasabah dengan tujuan untuk

mengaut keuntungan berlebihan.

Seksyen 14 akta terbabit jelas memperuntukkan bahawa mana-mana orang yang dalam perjalanan perdagangan atau perniagaan, 'mencatut' dalam menjual atau menawarkan untuk menjual atau membekalkan atau menawarkan untuk membekalkan apa-apa barangan atau perkhidmatan melakukan suatu kesalahan.

Melalui akta terbabit, perkataan 'mencatut' ertinya membuat keuntungan tinggi yang tidak munasabah. Peniaga atau syarikat yang melakukan kesalahan di bawah akta ini boleh dikenakan hukuman denda yang berat sekiranya disabitkan kesalahan.

Bagi individu yang melakukan kesalahan pertama, mereka boleh dikenakan hukuman denda tidak

melebihi RM100,000 atau penjara tiga tahun atau kedua-duanya sekali. Bagi kesalahan berikutnya, mereka boleh dikenakan denda sehingga RM250,000 atau lima tahun penjara atau kedua-duanya.

Elak peniaga ambil kesempatan

Bagi syarikat pula, sekiranya disabitkan kesalahan, boleh dikenakan denda sehingga RM500,000 manakala untuk kesalahan seterusnya, dikenakan denda sehingga RM1 juta. Pengguna juga harus berani menggunakan kuasa kepenggunaan mereka bagi memastikan tiada peniaga mengambil peluang dengan isu kenaikan harga bahan api ini.

Pihak berkaitan seperti Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan

FORUM

Pembaca yang ingin menyuarakan pandangan berhubung isu semasa boleh menghantar sumbangan menerusi e-mel:

**bhforum@
bh.com.my.**

(KPDNKK) serta pertubuhan bukan kerajaan (NGO) yang memperjuangkan hak pengguna hendaklah terus mencari jalan serta melakukan pemantauan secara kerap bagi memastikan tiada pihak yang mengambil peluang menaikkan harga barang sesuka hati tanpa sebab yang munasabah yang boleh memberi beban kepada masyarakat pengguna di negara ini.

Dr Muzaffar Syah Mallow
Universiti Sains Islam Malaysia